

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bilangan laporan polis dan bilangan laporan kepada Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi yang telah dibuat setakat ini mengikut pecahan berita palsu, berita fitnah, gambar/perkongsian yang berbaur lucah/ seksual/ rasis, “hate speech” / “cyber bullying” dan apakah status laporan tersebut dari segi dakwaan, sabitan bersalah dan tidak bersalah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara Januari sehingga Jun 2020, secara keseluruhannya pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menerima sejumlah **11,235** aduan berkaitan pelbagai kesalahan yang dilakukan di alam siber terutamanya melibatkan kandungan media baharu, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggodaman, perjudian, penipuan, promosi pelacuran, pelanggaran hakcipta, pendedahan dokumen rasmi, gangguan, buli siber, penyebaran kandungan berbentuk pornografi, penyebaran video/gambar peribadi, berita/kandungan palsu, laman web/akaun palsu (penyamaran), kandungan berunsur kebencian terhadap agama, kaum, Institusi Diraja, kandungan berunsur extremismisme, penyelewengan agama dan sebagainya.

## SOALAN NO : 58

2. Walau bagaimanapun jumlah aduan yang diterima dalam tempoh tersebut tidak hanya termaktub di bawah bidang kuasa pihak SKMM semata-mata. Ia juga turut tertakluk di bawah bidang kuasa agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang lain seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan sebagainya, mengikut bidang kuasa masing-masing.

3. Dalam tempoh yang sama, sejumlah **143** kes telah disiasat di bawah Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) oleh pihak SKMM berhubung penyalahgunaan media sosial, dan **7** daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah.